

Publication : **Berita Harian**  
Date : 17 April 2013  
Section : Bisnes  
Page : 4  
Headline : Street Mall One South Sedia Beroperasi

# Street Mall@One South sedia beroperasi

**Hua** Yang Bhd sudah menyiapkan projek kompleks beli belah pertamanya, Street Mall@One South yang terletak bersebelahan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di Seri Kembangan.

Street Mall adalah sebahagian daripada projek pembangunan bersepadu merangkumi zon peruncitan, komersial dan perumahan dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM950 juta.

Kompleks beli belah itu adalah fasa pertama pembangunan berkenaan yang menawarkan unit kedai pejabat serta pusat peruncitan.

Dua lagi fasa terdiri daripada apartmen servis yang sudah habis dijual.

Projek yang dimajukan oleh



*May Chan*

anak syarikat milik penuh Hua Yang, Prop Park Sdn Bhd itu dikelilingi kawasan perbandaran yang matang, institusi pengajian tinggi serta beberapa kemudahan awam.

Ia dianggap lokasi perniagaan baru berprestij bagi industri peruncitan tempatan.

## **Beri keselesaan**

Ketua Pegawai Kewangan Hua Yang, May Chan, berkata One South ialah pembangunan bersepadu komprehensif yang terletak strategik di luar pusat bandar Kuala Lumpur dan Street Mall akan memberikan keselesaan kepada komuniti setempat dengan akses serta sambungan baiknya ke tempat lain.

"Seperti yang dinyatakan dalam tema projek ini iaitu 'All work, All play, All the way', kami percaya gaya hidup adalah cara kita bekerja dan sebaliknya.

"Kami mereka bentuk One

South untuk mencerminkan seseorang yang bekerja keras sambil mengambil masa untuk merehatkan diri," katanya menerusi satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Street Mall @ One South direka bentuk untuk menampung keperluan kejurangan serta pekerja di Seri Kembangan.

Reka bentuk kompleks beli belah itu disesuaikan untuk unit runcit makanan, fesyen, kecantikan, penjagaan kesihatan serta pasar raya besar.

Bakal pembeli belah dan pekerja di One South juga bakal menikmati perkhidmatan bas ulang alik ke stesen KTM Serdang serta stesen LRT Bukit Jalil dan Sungai Besi.